

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**BRIG. JENERAL DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA**  
**PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN UniMAP SEMPENA**  
**IHYA' RAMADAN 1434H/2013**  
**PADA 1 OGOS 2013 (KHAMIS) DI DEWAN KAPITOL KANGAR**

Bismillah Hirahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Ramadhan

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Dan seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

## **KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini dalam Pertandingan Nasyid Antara Jabatan UniMAP sempena Ihya' Ramadan 1434H/2013 dalam suasana yang penuh keceriaan dan kerahmatan.
2. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Alam Sekitar dan PPK Bioproses selaku jawatankuasa Pertandingan Nasyid Antara Jabatan pada hari ini kerana telah berjaya menganjurkan majlis ini. Saya mendapat maklum bahawa pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Tahniah diucapkan.

Hadirin sekalian,

## **PENGANJURAN PERTANDINGAN NASYID**

3. Melalui pertandingan nasyid, kita bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru di kalangan staff UniMAP, tetapi secara langsung dapat mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di kalangan kita semua. Apa yang lebih penting adalah untuk kita bersama-sama menghayati

keindahan dan kenikmatan bulan barakah iaitu bulan Ramadhan Al-Mubarak.

4. Bersesuaian dengan tema Pertandingan Nasyid kita pada tahun ini iaitu CINTA ILLAHI, mari kita sama-sama berusaha meraih cinta daripada Allah S.W.T. Dalam meraih cinta daripada Dia yang Maha Agung, wajib untuk kita sentiasa mengingat dan bermuhasabah diri untuk melaksanakan segala perintah dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita sama ada di dunia mahupun di akhirat dengan sempurna dan ikhlas. Apatah lagi dalam kita sama-sama memikul tanggungjawab mendidik anak bangsa, memartabatkan universiti kita, agar sentiasa maju ke hadapan demi universiti yang kita cintai ini.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

### **KEREDHAAN DAN KECINTAAN DARIPADA ALLAH SWT**

5. Setiap dari kita ingin mendapat keredhaan dan kecintaan daripada Allah SWT. Saya percaya melalui penganjuran pertandingan nasyid ini, kita dapat melahirkan rasa kecintaan kita kepada penguasa seluruh alam semesta ini.

6. Ibnul Qayyim rahimahullah dalam kitabnya iaitu Madarijus Salikin telah menyebut beberapa cara bagi mendapatkan kecintaan Allah SWT iaitu:-

1. Membaca Al Qur'an dengan merenungi dan memahami maknanya.
2. Kedua, mendekatkan diri kepada Allah dengan mengerjakan ibadah yang sunnah, setelah mengerjakan ibadah yang wajib.
3. Ketiga, terus-menerus mengingati Allah dalam setiap keadaan, baik dengan hati dan lisan atau dengan amalan dan keadaan dirinya.
4. Keempat, lebih mendahulukan kecintaan kepada Allah daripada kecintaan terhadap dirinya sendiri ketika dia dikuasai hawa nafsunya.
5. Kelima, merenungi, memperhatikan dan mengenal kebesaran nama dan sifat Allah.
6. Keenam, memperhatikan kebaikan, nikmat dan kurniaan Allah yang telah Dia berikan kepada kita, baik nikmat lahir maupun batin.

7. Ketujuh, -inilah yang begitu istimewa- iaitu menghadirkan hati secara keseluruhan tatkala melakukan ketaatan kepada Allah SWT dengan merenungkan makna yang terkandung di dalamnya.
  8. Menyendiri dengan Allah di saat Allah turun ke langit dunia pada sepertiga malam yang terakhir. Lakukan dengan beribadah dan bermunajat kepada-Nya serta membaca kalam-Nya (Al Qur'an). Kemudian mengakhirinya dengan *istighfar* dan taubat kepada-Nya.
  9. Kesembilan, duduk bersama orang-orang yang mencintai Allah dan bersama para shidiqin.
  10. Kesepuluh, menjauhi segala sebab yang dapat menghalangi antara dirinya dan Allah *Ta'ala*.
- 
7. Sedikit pesanan untuk para hadirin iaitu ambillah masa untuk melaksanakan sepuluh perkara yang saya sebutkan sebentar tadi dengan seikhlas mungkin. Adalah amat penting untuk mendapat keredhaan dan kecintaan daripada Allah SWT kerana diakhir nanti iaitu bila mana kita dijemput bertemu denganNya, kita mampu tersenyum dan bergembira kerana rahmat dan kasih sayangNya telah melayakkan kita untuk menikmati 99 lagi rahmatNya yang dijanjikan di syurga

nanti. Segala kekayaan dan kesenangan yang kita nikmati di dunia ini adalah hanya 1 rahmat daripada Allah SWT. Kejarlah rahmat tersebut dengan meraih kecintaan daripada Allah SWT. InsyaAllah.

8. Saya berharap melalui bait-bait lagu yang akan dialunkan secara ikhlas oleh kumpulan nasyid kita akan menjadi satu dakwah yang akan menjadi ibadah untuk kita semua. Semoga kita juga akan mendapat kecintaan daripada Allah SWT melalui dendangan lagu yang memuji kebesarannya itu.
9. Saya juga berharap agar semua warga UniMAP akan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh UniMAP dengan sebaik-baiknya. Saya percaya jika tanggungjawab mencari dan menyampaikan ILMU dan melaksanakan tugas, IKHLAS kerana Allah, saya percaya KECEMERLANGAN akan dapat dicapai kerana mendapat keberkatan daripadanya.
10. Di kesempatan ini juga, ingin saya berpesan kepada semua kumpulan nasyid antara jabatan untuk memperbetulkan nawaitu atau niat kita. Nawaitu itu haruslah jujur dan ikhlas. Bukanlah kemenangan yang mahu direbut dan dibanggakan, sebaliknya keredhaan daripada Allah SWT yang kita cari di bulan yang mulia ini.

## **PENUTUP**

11. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya, ingin sekali lagi berpesan kepada semua warga kerja UniMAP agar merebut peluang di bulan Ramadhan ini untuk mendekatkan diri kepadaNya.
  
12. Dengan ucapan Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan penutupan Pertandingan Nasyid Antara Jabatan UniMAP sempena Ihya' Ramadan 1434H/2013.

Saya sudahi dengan wabbillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.